

30 SEP 2000

Mahathir-AIDS/I

KERAJAAN MAHU SEKTOR SWASTA SOKONG PROGRAM PENDIDIKAN AIDS

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu sektor swasta menyokong pendidikan di kalangan kakitangan mereka dan masyarakat mengenai ancaman HIV/AIDS yang masih tidak disedari oleh masyarakat negara ini.

Perdana Menteri berkata sudah sampai masanya untuk berhenti bercakap dan mula bertindak terhadap penyakit itu yang menjadi pembunuh dan terus menjangkiti ramai penduduk Malaysia.

Untuk tujuan ini, tindak balas yang realistik dan berkesan adalah perlu dan ini boleh dicapai jika langkah ini dijalankan bersama antara kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta," kata beliau pada majlis jamuan Gala Riben Merah 2000, anjuran Yayasan Aids Malaysia di sini malam ini.

Beliau berkata, sebelumnya, pihak-pihak berkenaan terlalu banyak bercakap mengenai cara-cara untuk memerangi wabak itu sedangkan rakyat Malaysia terus dijangkiti penyakit itu kerana maklumat yang mereka perlukan untuk melindungi diri mereka tidak sampai kepada mereka," kata beliau.

Beliau berkata masanya sudah tiba bagi rakyat Malaysia untuk membuka mata terhadap musuh yang tidak nampak ini dengan mengambil tindakan segera dan menghentikan perbincangan tanpa henti mengenai punca sebenar AIDS di negara ini.

"Hakikatnya ialah ketika kita asyik bercakap, virus itu telah merebak dan kita pula sentiasa ketinggalan beberapa langkah untuk mengawalinya. Janganlah cuba menangani wabak itu berdasarkan pengalaman lalu sedangkan ia sudah terlambat tetapi sebaliknya kita hendaklah berpandangan jauh, berwawasan, bagi memastikan bahawa tindakan segera sekarang dapat menghalang masa depan yang dihantui oleh HIV," kata beliau.

Beliau berkata pada peringkat tertinggi kerajaan, langkah sudahpun diambil bagi menangani wabak itu secara lebih bekesan.

Mesyuarat Ketua-ketua kerajaan 10 negara anggota Asean semasa sidang kemuncak tahun lalu bagi membincangkan isu itu adalah berupa inisiatif Malaysia dengan harapan ia akan meningkatkan perhatian di kalangan semua warga Asean mengenai perkara itu, kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan akan terus memainkan peranan dengan mewujudkan senario dasar yang sihat bagi pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta menyokong pertubuhan itu sebanyak mungkin.

"Saya biasanya tidak memberi perhatian bagi NGO, terutama NGO yang hanya tahu membuat desakan tetapi bagi NGO seperti Majlis Aids Malaysia, saya mengecualikannya," kata beliau.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Majlis itu kerana komitmennya ke arah meningkatkan kemampuan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan melaksanakan program-program yang membina, sama ada melalui pembiayaan kewangan atau melalui latihan.

Dr Mahathir berkata beliau menyambut baik peranan Majlis itu kerana membantu kerajaan bagi memperolehi cara-cara yang lebih adil dan sama rata bagi mendapatkan rawatan melalui ubat-ubat yang mahal.

Ini sudah tentu satu isu yang memungkinkan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan bekerjasama demi kepentingan negara, kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun penyakit itu telah merebak ke seluruh dunia, Malaysia bernasib baik kerana disebabkan oleh beberapa faktor yang menghalang kebanyakan negara daripada mengambil tindak balas yang berkesan terhadap wabak itu.

Tetapi, beliau berkata, bilangan penduduk Malaysia yang dijangkiti penyakit itu masih meningkat.

"Tidak ada sebab untuk perkara ini berlaku di negara kita. Tetapi ia

berlaku kerana ramai masih tidak dapat menerima hakikat bahawa HIV/AIDS ialah penyakit yang memerlukan perhatian segera.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga mengucapkan tahniah kepada mereka yang memainkan peranan masing-masing untuk membantu mendidik masyarakat Malaysia dan mengetengahkan isu-isu berkaitan HIV-AIDS.

-- BERNAMA

ARA ARA FAZ